RESEARCH ARTICLE

The Talaqqi and Istidlal Methods According to Hamka: An Approach to Akidah Issues in the Book Cara Mengenal Tuhan

Ismaie Katih[1]

[1] Faculty of Islamic Sciences, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Pattani Province, Thailand

Corresponding Author, Email : ali_katih@hotmail.com

Received : September 06, 2025 ❁ Revised : November 10, 2026 ❁ Accepted : June 09, 2026

Abstract

This study aims to analyze the methods of Talaqqi (direct transmission) and Istidlal (reasoned inference) in Islamic theology (Akidah) according to the thought of Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) as articulated in his work Cara Mengenal Tuhan ("The Way to Know God"). The study employs a qualitative approach using a deductive method based on textual analysis of HAMKA's work, supported by relevant primary and secondary sources as well as classical and contemporary scholarly perspectives to strengthen the findings.

The results indicate that the concept of Talaqqi refers to the direct reception of theological knowledge from divine revelation (the Qur'an and Hadis), which must be understood with authenticity, sincerity, and without deviation. Meanwhile, Istidlal involves the rational process of understanding the signs of God's greatness through cosmological, historical, and logical dimensions. Hamka emphasizes that the integration of these two approaches plays a vital role in strengthening faith and clarifying the understanding of divinity. Furthermore, he highlights the roles of natural beauty, intellectual excellence, and human fitrah (innate disposition) in recognizing God, while underscoring the importance of tasawwuf (spiritual purification) as a means of refining the soul. The application of Talaqqi and Istidlal in the formation of Akidah demonstrates a balance between revelation and reason, affirming Islam as areligion that harmonizes textual tradition and intellectual rationality.

Keywords : Talaqqi and Istidlal Methods, Akidah, Hamka, Cara Mengenal Tuhan

ARTIKEL PENYELIDIKAN

Metode Bertalaqqi dan Beristidlal Menurut Hamka: Pendekatan terhadap Persoalan Akidah dalam Buku Cara Mengenal Tuhan

Ismaie Katih[1]

[1] Fakulti Sains Islam, Universiti Prince of Songkla, Kampus Pattani, Wilayah Pattani, Thailand

อีเมลผู้แต่งหลัก : ali_katih@hotmail.com.

Received : September 06, 2025 ❁ **Revised :** November 10, 2026 ❁ **Accepted :** June 09, 2026

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis metode talaqqi dan istidlal dalam akidah menurut pandangan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) berdasarkan karya beliau Cara Mengenal Tuhan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah deduktif berasaskan analisis teks terhadap karya Cara Mengenal Tuhan oleh Hamka, disokong oleh sumber primer dan sekunder yang relevan serta pandangan ulama silam dan kontemporari bagi memperkukuh dapatan kajian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep bertalaqqi merujuk kepada penerimaan ilmu akidah secara langsung daripada wahyu (al-Qur'an dan al-Hadis), yang mesti difahami dengan ketulenan, keikhlasan, dan tanpa penyimpangan. Sementara itu, beristidlal merangkumi proses penggunaan akal dalam memahami tanda-tanda kebesaran Tuhan melalui aspek kosmologi, sejarah, dan logik rasional. Hamka menegaskan bahawa integrasi kedua-dua pendekatan ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh keimanan serta memperjelas pemahaman terhadap konsep ketuhanan. Selain itu, beliau turut menyoroti peranan keindahan alam, kecemerlangan daya intelektual, serta fitrah manusia dalam mengenali Tuhan, di samping menekankan kepentingan tasawuf sebagai medium penyucian jiwa. Aplikasi Kaedah talaqqi dan istidlal dalam pembentukan akidah memperlihatkan keseimbangan antara wahyu dan akal, sekali gus mengukuhkan Islam sebagai agama yang mengharmonikan tradisi tekstual dan rasionaliti intelektual.

Kata kunci : Metods Talaqqi dan Istidlal, Akidah, Hamka, Cara Mengenal Tuhan

Pendahuluan

Perbahasan tentang metodologi dalam memahami akidah merupakan antara aspek teras dalam kajian teologi Islam. Sejak awal perkembangan Islam, para ulama dan sarjana menegaskan bahawa asas keimanan tidak hanya berpaksikan kepada penerimaan wahyu secara literal, tetapi turut menuntut penglibatan akal dalam memahami serta menghayati kebenaran wahyu tersebut (al-Ghazali, n.d.; al-Qaradawi, 1996; Nasr, 1987). Dalam konteks ini, konsep *talaqqi*: penerimaan ilmu secara langsung daripada sumber wahyu dan *istidlal:* penggunaan akal bagi mencapai kefahaman terhadap hakikat ketuhanan menjadi dua pendekatan epistemologi yang saling melengkapi antara wahyu dan akal dalam membentuk kefahaman akidah yang seimbang dan berautoriti (Wan Daud, 1998; Abdullah, 2014). Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), seorang ulama, pemikir, dan mufasir besar Nusantara abad ke-20, menampilkan sintesis unik antara dimensi rasional dan spiritual dalam karya-karyanya. Melalui kitab *Cara Mengenal Tuhan,* beliau menonjolkan pendekatan teologi yang berteraskan wahyu tetapi menekankan fungsi akal, pemerhatian terhadap alam ciptaan, dan refleksi diri sebagai landasan pengenalan terhadap Tuhan (Hamka, 1950; Syamsuddin, 1993). Bagi Hamka, proses mengenal Allah bukan sekadar keimanan bersifat taqlid, tetapi perjalanan intelektual dan rohani berasaskan penyaksian serta kefahaman mendalam tentang keesaan Tuhan (Hamka, 1982; Nasution, 1986).

Dalam tradisi keilmuan Islam, *talaqqi* memainkan peranan penting sebagai mekanisme penyaluran ilmu daripada Rasulullah SAW kepada para sahabat dan generasi selepasnya, melambangkan autoriti wahyu serta kesinambungan sanad ilmu dalam menjaga ketulenan akidah (al-Shahrastani, 1984). Sebaliknya, *istidlal* memperkukuh dalil keimanan melalui hujah rasional, pemerhatian terhadap fenomena kosmik, dan renungan terhadap diri manusia sebagaimana digariskan oleh al-Qur'an (Saeed, 2008). Gabungan kedua-dua pendekatan ini membentuk kerangka epistemologi Islam yang menyeimbangkan dimensi tekstual dan intelektual (Abdullah, 2014; Wan Daud, 1998). Pendekatan Hamka terhadap akidah dalam Cara Mengenal Tuhan mencerminkan integrasi ini; beliau menghidupkan semula semangat ijtihad dengan berpaksikan keaslian wahyu sambil mengiktiraf peranan akal dalam memahami makna kewujudan Ilahi (Hamka, 1950; Syamsuddin, 1993). Dalam konteks moden yang dicirikan oleh sekularisme, materialisme, dan relativisme akidah, pemikiran Hamka kekal signifikan kerana menawarkan keseimbangan antara iman dan rasionaliti (Nasr, 1987; Hasan, 2003). Oleh itu, kajian ini menganalisis secara sistematik metodologi *talaqqi* dan

istidlal menurut Hamaka dalam Cara Mengenal Tuhan, serta menilai potensi penerapannya dalam wacana pemikiran Islam kontemporari

Objektif Kajian

Untuk menganalisis metode *talaqqi* dan *istidlal* dalam akidah menurut pandangan Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) berdasarkan karya *Cara Mengenal Tuhan*

Metodologi Kajian:

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan dan analisis data yang sistematik berdasarkan prinsip kajian kepustakaan (*library research*). Sumber utama kajian ialah kitab *Cara Mengenal Tuhan* karya Prof. Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka). Data primer ini disokong dengan sumber sekunder seperti karya-karya tafsir, falsafah Islam, dan akidah klasik dan kontemporari, antaranya:*Tafsir al-Azhar* oleh Hamka, *Ihya' 'Ulum al-Din* oleh al-Ghazali, *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* oleh al-Ash'ari, dan karya-karya sarjana moden seperti M. Quraish Shihab, Harun Nasution, serta tulisan kontemporari mengenai metodologi akidah.

Dalam proses analisis data, kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif bagi mengkaji secara mendalam metodologi akidah Hamka sebagaimana dihuraikan dalam karyanya. Selain itu, analisis ini turut mempertimbangkan pandangan ulama silam dan kontemporari dalam menilai dan memperkukuh dapatan kajian.

Pengertian Talaqqi* dan *Istidlal

Dalam konteks bahasa Arab, istilah *talaqqi* dan *istidlal* mempunyai makna yang mendalam dalam aspek penerimaan ilmu dan pengambilan dalil. *Talaqqi* bermaksud menerima atau mengambil ilmu secara langsung daripada seorang guru atau sumber yang berautoriti, sebagaimana dijelaskan dalam ungkapan Arab *Talaqqa al-'Ilma 'an fulan* yang membawa maksud seseorang memperoleh ilmu daripada individu lain (Ibn Manzur, 1414 H). Proses ini menekankan kepentingan kesinambungan ilmu dan hubungan antara murid dengan guru dalam penyampaian ilmu yang sahih. Sementara itu, *istidlal* pula merujuk kepada proses mencari, meneliti, dan menggunakan dalil atau bukti sebagai asas kepada sesuatu hujah. Menurut *al-Mu'jam al-Wasit*, istilah *Istadalla 'Alaihi* menunjukkan tindakan menggunakan sesuatu sebagai bukti dalam penghujahan (Nukhbah min al-Lughawiyyin, 1972). Justeru, kedua-dua konsep ini menggambarkan keseimbangan antara penerimaan ilmu secara

talaqqi yang berasaskan autoriti keagamaan dan penggunaan akal secara *istidlal* dalam memahami serta membenarkan kebenaran wahyu.

_Talaqqi dan Istidla_l Menurut Ahl al-Sunnah wal-Jama'ah

Dalam perspektif Ahl al-Sunnah wal-Jama'ah, sumber penerimaan ilmu dan dalil terbahagi kepada dua bahagian utama. Pertama, *sumber utama* iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, dan ijmak yang menjadi asas dalam penetapan akidah Islam. Kedua, *sumber sekunder* ialah akal yang sihat dan fitrah yang lurus, yang berfungsi menjelaskan makna wahyu tanpa mendahuluinya (Abdul Hadi bin Awad al-'Omari, 2019). Prinsip ini menegaskan bahawa akidah mesti berpaksikan kepada wahyu dan tidak dibina semata-mata atas dasar rasional. Dalam karya *Mujmal Ushul Ahl al-Sunnah fi al-'Aqidah*, Prof. Dr. Nasir bin Abdul Karim al-Aql menghimpunkan dua belas prinsip metodologi *talaqqi* dan *istidlal* dalam akidah, antaranya ialah pembatasan sumber akidah kepada al-Qur'an, Sunnah sahih, dan ijmak salafus soleh, penerimaan hadis sahih walaupun bersifat *ahad*, serta larangan menambah ajaran baharu yang tiada asas dalam wahyu. Beliau turut menegaskan keutamaan dalil *naqli* berbanding *'aqli* jika berlaku percanggahan, serta menolak segala bentuk bid'ah yang bertentangan dengan prinsip agama. Hal ini menunjukkan bahawa Ahl al-mSunnah wal-Jama'ah mengekalkan keseimbangan antara autoriti wahyu dan fungsi rasional dalam memahami serta mempertahankan akidah Islam. (Nasir bin Abdul Karim al-Aql,1412H.)

Hasil kajian

Menurut Hamka, agama membawa manusia kepada Tuhan melalui lima cara, yang akan dihuraikan dalam perbincangan selanjutnya. Melalui kajian ini, Hamka menampilkan pendekatan metodologi akidah yang mendalam, yang menggabungkan talaqqi sebagai penerimaan wahyu dan istidlal sebagai refleksi intelektual terhadap alam semesta.

Pendekatan ini menunjukkan bagaimana keimanan dapat diperkukuh melalui gabungan wahyu dan akal, sekaligus memperdalam kefahaman terhadap akidah Islam. Pendekatan ini juga relevan untuk diterapkan dalam konteks moden, bagi memastikan akidah umat Islam kekal berlandaskan ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah yang sahih.

Pertama: Keindahan dan Seni sebagai Jalan Menuju Pengenalan kepada Tuhan

Keindahan dan seni dalam Islam mempunyai dimensi spiritual yang mendalam, bukan sekadar ekspresi estetika semata-mata. Dalam perspektif Hamka, keindahan alam dan seni merupakan medium penting dalam membawa manusia kepada pengenalan terhadap Tuhan.

Pemahaman ini berasaskan kepada tiga sifat asas manusia, perasaan, pemikiran, dan kehendak yang membentuk hubungan manusia dengan alam sekitarnya. Jika perasaan lebih dominan, seseorang cenderung menjadi seniman; jika pemikiran lebih menonjol, ia akan menjadi seorang ahli falsafah; manakala jika kehendak yang menguasai, ia akan menjadi pemimpin atau pembaharu agama (Hamka, 1984).

Hamka menjelaskan bahawa keindahan alam tidak muncul secara kebetulan, sebaliknya merupakan manifestasi cinta Ilahi. Cinta inilah yang menjadi asas kepada penciptaan alam semesta, sebagaimana yang tersirat dalam ayat pembuka setiap surah dalam al-Qur'an, *Bismillah al-Rahman al-Rahim* dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang (Hamka, 1974).

Seni dalam bentuk syair, muzik, dan lukisan berfungsi sebagai simbol untuk membuktikan kewujudan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, sumber segala cinta. Dalam keadaan terharu kerana keindahan alam, manusia secara spontan menyebut nama Allah, menzahirkan kesedaran intuitif akan kewujudan Sang Pencipta (Hamka, 1984).

Keindahan dalam Islam bukan sahaja tercermin dalam alam semesta, tetapi juga dalam ekspresi seni yang berlandaskan prinsip tauhid. Seni Islam, seperti seni khat dan hiasan tumbuhan, menawarkan alternatif kepada seni perwakilan yang dikhawatirkan boleh membawa kepada penyembahan makhluk. Seni Islam menggabungkan nilai estetika dan makna spiritual, menghasilkan karya yang mengilhami jiwa dengan nilai-nilai ketuhanan (Abdurrahman al-Baghdadi, 1991).

Syed Muhammad Naquib al-Attas mengkritik pemisahan antara alam dan dimensi spiritual dalam pandangan sekular Barat. Menurutnya, fenomena alam seharusnya dilihat sebagai tanda kebesaran Tuhan, bukan sekadar objek kajian saintifik. Pemisahan ini menyebabkan ilmu sains kehilangan aspek spiritualnya. Oleh itu, beliau menyeru supaya pengajaran ilmu pengetahuan digabungkan dengan nilai-nilai spiritual bagi mengembalikan dimensi keagamaan dalam pendidikan dan sains (al-Attas, 1993).

Ibn al-Qayyim (1973) menegaskan bahawa Allah menyeru hamba-hamba-Nya untuk mengenali-Nya melalui dua cara:Pertama: Merenungkan ciptaan-Nya (ayat kauniyah) – iaitu fenomena alam yang menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah. Hal ini disebut dalam firman-Nya:" *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa bendabenda yang bermanfaat kepada manusia,...*" (al-Baqarah,2: 164). **Kedua:** Merenungi ayat-ayat wahyu (ayat Qur'aniyah) – iaitu

petunjuk yang diturunkan kepada manusia melalui al-Qur'an. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah: *"Maka tidakkah mereka memperhatikan (merenung) alQuran?"* (al-Nisa', 4:82)

Hamka memberikan perspektif moden terhadap konsep ini dengan menyatakan bahawa keindahan alam dan seni bukan sekadar objek apresiasi estetika, tetapi juga jalan untuk mengenali Tuhan. Keindahan yang terdapat di dunia adalah refleksi kebesaran Allah SWT. Dengan merenungi fenomena alam dan seni yang sejajar dengan prinsip tauhid, manusia diarahkan kepada kesedaran spiritual yang mendalam. Hal ini mendorong manusia untuk lebih menghargai kebesaran Sang Pencipta serta menumbuhkan hubungan yang lebih erat dengan-Nya.

Kudua: Pendekatan Intelektual dalam Pencarian Ketuhanan

Pendekatan intelektual dalam usaha mengenal Tuhan melalui pemikiran, ilmu, dan falsafah bertujuan mengungkap keajaiban serta kehebatan fenomena alam. Hamka menegaskan bahawa semakin mendalam pemikiran dan ilmu seseorang, semakin kagum mereka terhadap keunikan dan kehebatan hukum-hukum alam yang wujud. Beliau menyatakan bahawa walaupun manusia mampu memahami kewujudan peraturan tersebut, mereka tidak berupaya mencipta sesuatu yang lebih indah daripadanya. Segala usaha manusia dalam membentuk peraturan baharu tetap terikat kepada acuan peraturan asli yang terdapat dalam alam semesta. Dari sekecil-kecil atom hingga sebesar-besar matahari, semuanya tertakluk kepada peraturan umum yang seragam, di mana peredaran proton, neutron, dan elektron dalam zarah adalah selaras dengan peredaran matahari bersama planet-planetnya (Hamka, 1984).

Pencarian Tuhan melalui pemikiran, ilmu, dan falsafah bertujuan menyedarkan manusia tentang keajaiban hukum alam (*Sunnatullah*), iaitu peraturan dan prinsip asas yang menjadi dasar kepada undang-undang alam dan agama. Menurut Hamka, Tuhan mengurniakan manusia akal dan pancaindera untuk memahami perbezaan antara baik dan buruk, serta untuk meneroka hikmah di sebalik hukum-hukum alam. Perkembangan akal dan pemikiran manusia sepanjang zaman bergantung kepada petunjuk sunnatullah (Hamka,1992).

Hamka berpendapat bahawa kemajuan dalam bidang sains seharusnya memperkukuh keimanan manusia kepada Tuhan. Agama yang benar, menurutnya, tidak bercanggah dengan sains; sebaliknya, kedua-duanya saling melengkapi. Apabila agama dan sains berjalan seiring, kepercayaan kepada Tuhan akan menjadi lebih kukuh. Hamka menegaskan bahawa agama yang benar tidak memaksa manusia untuk beriman tanpa bukti, sementara ilmu yang benar

membawa kepada kepercayaan yang ikhlas. Bagi Hamka, agama adalah harmoni antara hati dan akal; jika kedua-duanya seiring, keimanan kepada Tuhan akan menjadi lebih mendalam (M. Alfan Alfian, 2014).

Ibn al-Qayyim dalam kitab *Al-Fawaid* menjelaskan bahawa Allah memanggil manusia untuk mengenali-Nya melalui dua cara: pertama, melihat kesan ciptaan-Nya yang menjadi tanda kebesaran-Nya; kedua, merenungkan dan memikirkan tanda-tanda kebesaran-Nya yang terdapat dalam alam semesta. Tanda-tanda ini terbahagi kepada yang dapat dilihat (ayat kauniyah) dan yang dapat didengar (wahyu). Apabila manusia menyebut nama Allah, fikiran mereka akan tertumpu kepada hakikat kewujudan Tuhan, menjadikan ini langkah pertama untuk mengenal-Nya (Ibn al-Qayyim, 1973).

al-Sa'di menyatakan bahawa hikmah penurunan al-Quran adalah supaya manusia mentadabbur ayat-ayatnya, mengeluarkan ilmunya, merenungi rahsia-rahsia dan hikmah-hikmahnya. Dengan mentadabbur dan merenungi maknanya serta mengulang-ulang pemikiran terhadapnya, maka akan diperoleh keberkatan dan kebaikan daripadanya. Ini menunjukkan galakan untuk mentadabbur al-Quran, bahawa ia termasuk amalan terbaik. Bacaan yang disertai tadabbur lebih utama berbanding bacaan yang cepat tanpa tadabbur, yang tidak mencapai maksud tersebut (al-Sa'di, 2000).

al-Syinqiti (1995). pula menegaskan bahawa mentadabbur al-Quran, memahaminya, mempelajarinya, dan mengamalkan isinya adalah kewajipan bagi umat Islam. Sikap berpaling sebahagian besar masyarakat daripada meneliti Kitab Allah, memahaminya, mengamalkannya serta sunnah yang menjelaskannya adalah antara kemungkaran yang paling besar dan paling buruk, walaupun pelakunya menyangka mereka berada di atas petunjuk

Ketiga: Persoalan mengenai hakikat kehidupan

Hamka (1984) menegaskan bahawa akal manusia, meskipun cerdas dan dinamis, memiliki keterbatasan dalam memahami hakikat tertinggi kehidupan. Perkembangan ilmu pengetahuan dalam dua abad terakhir telah mencapai tahap yang mengagumkan, khususnya dalam bidang fizik, perubatan, dan teknologi. Kemajuan dalam ilmu pembedahan serta penemuan ubat-ubatan seperti penisilin telah banyak mengurangkan penderitaan manusia.

Namun, meskipun pencapaian ini membanggakan dan memberi manusia ilusi kejayaan dalam menundukkan alam, persoalan hakikat kehidupan masih belum terjawab. Sains mendefinisikan kehidupan sebagai susunan sel yang terdiri daripada unsur kimia seperti

karbon, hidrogen, oksigen, dan nitrogen. Walaupun ahli sains mampu menyusun unsur-unsur ini dengan tepat, mereka tetap tidak berupaya mencipta kehidupan.

al-Qur'an memberikan perumpamaan dengan seekor lalat, makhluk kecil yang sering dianggap remeh, bagi menunjukkan keterbatasan manusia dalam mencipta kehidupan. Hal ini menegaskan bahawa meskipun sains berkembang pesat, hakikat kewujudan dan kehidupan tetap berada di luar jangkauan akal manusia. Allah berfirman yang bermaksud: *Wahai umat manusia, inilah satu perumpamaan, maka dengarkannya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru selain daripada Allah itu, tidak sama sekali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk menciptanya, dan jika lalat itu mengambil sesuatu daripada mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), alangkah lemah yang meminta (daripada mendapat hajatnya), dan alangkah lemah yang diminta (daripada menunaikannya).*(al-Haj, 22:73)

Segala sesuatu di alam ini terdiri daripada unsur karbon, hidrogen, oksigen, dan nitrogen. Namun, sarjana hanya mampu memahami kewujudan unsur-unsur ini tanpa berupaya menciptakan kehidupan. Hakikat kehidupan tetap menjadi misteri yang tidak dapat dihuraikan sepenuhnya oleh akal manusia, kerana batasan ilmu manusia hanya tertumpu kepada perkara fizikal. Wujud jurang yang tidak dapat direntasi antara unsur benda dan unsur kehidupan, menunjukkan keterbatasan sains dalam memahami asal-usul kewujudan.

Akhirnya, manusia mengakui kelemahan mereka dan tunduk kepada hakikat bahawa penciptaan kehidupan berada di luar keupayaan mereka. Maka, dari lubuk hati yang mendalam, manusia mengungkapkan nama *Allah*, yang merangkumi segala aspek kewujudan. Sejak dahulu, para ahli falsafah dan ulama telah berusaha memahami hakikat penciptaan, namun jawapan muktamad datang melalui wahyu yang disampaikan oleh para Nabi dan Rasul, yang diutus oleh Tuhan Yang Maha Mencipta: *(Sesunguhnya Akulah Allah, tiada Tuhan melainkan Aku.)*(Taha, 20:14)

Hakikat kehidupan yang kekal ialah perubahan, satu ketetapan dalam sunnatullah. Alam sentiasa berubah daratan, lautan, gunung, dan bukit mengalami transformasi dari semasa ke semasa. Bahkan, gunung Himalaya yang megah hari ini bukanlah sama seperti semalam, dan masa hadapan tidak akan sama dengan masa kini.

Sains geologi membuktikan bahawa perubahan merupakan hukum alam yang berterusan. Bumi sendiri telah melalui evolusi berbilion tahun sebelum mencapai bentuknya

yang sekarang. Proses semula jadi seperti kitaran air dari hujan, sungai, hingga lautanberterusan mengulangi peredarannya, membuktikan kebesaran sistem ciptaan Allah yang tersusun dengan sempurna.

Gerakan dahsyat seperti gempa bumi akibat runtuhan tanah di perut bumi atau letusan gunung berapi, tenaga yang dikenali sebagai "tarikan-menarik" atau "elektrik", semuanya dikaji oleh para sarjana melalui konsep *sebab dan akibat*. Sesuatu *'illat* ditafsirkan dengan *'illat* yang lain, dan setiap sebab dicari punca yang lebih awal. Namun, pada akhirnya, pencarian terhadap rangkaian sebab dan akibat pasti akan menemui satu persoalan yang tidak lagi dapat dijawab.

Kita berdiri di tepi laut dan melihat ombak bergelora. Lalu kita bertanya: *"Mengapa ombak ini beralun?" "Kerana pergerakan udara." "Mengapa udara bergerak?" "Kerana perubahan suhu.""Dari mana datangnya haba itu?""Dari matahari.""Siapa yang menetapkan haba di bawah matahari?"* Diam. Tiada jawapan.(Hamka, 1984).

Ibn Taymiyyah (1426) mengemukakan bahawa salah satu bukti paling jelas mengenai kewujudan Allah sebagai Pencipta dan Pengatur alam semesta adalah melalui pemerhatian terhadap perubahan konsisten dalam diri manusia sepanjang hayatnya. Beliau menekankan bahawa manusia, bermula dari setitis nutfah (air mani) hingga menjadi individu yang sempurna, tidak memiliki keupayaan untuk mengawal atau mengarahkan proses perkembangan ini secara autonomi. Perubahan yang berlaku secara teratur dan sempurna ini menunjukkan adanya Pencipta yang Maha Berkuasa yang mengatur segala sesuatu dengan hikmah dan ketelitian.

Hamka menegaskan bahawa pencarian Tuhan berkait rapat dengan persoalan hakikat kehidupan. Beliau menyoroti keterbatasan ilmu pengetahuan dalam memahami realiti di luar jangkauan akal manusia. Menurutnya, ilmu hanya dapat menganalisis perkara-perkara yang bersifat empirikal, manakala aspek metafizik kekal di luar batas pemahaman manusia. Dalam hal ini, Hamka menyatakan bahawa wujud jurang antara unsur material dan kehidupan yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya oleh ilmu. Justeru, apabila manusia menghadapi keterbatasan ini, mereka secara fitrah akan mengakui kewujudan Tuhan. Hamka menegaskan bahawa kesedaran terhadap keterbatasan ini membawa manusia kepada keperluan terhadap wahyu dan bimbingan para Nabi serta Rasul dalam memahami hakikat ketuhanan yang sebenar.

Keempat: Mengenal Tuhan Melalui Jalan Tasawuf

Hamka menegaskan bahawa tasawuf adalah jalan introspeksi dan penyucian jiwa yang membawa kepada pengenalan Tuhan. Berbeza dengan pendekatan seni dan falsafah yang bergerak dari dalam ke luar, tasawuf menekankan pembersihan batin melalui latihan rohani (Riyadhah al-Nafs) untuk menghapus hijab yang menghalangi cahaya keimanan. Tujuan utama tasawuf adalah mencapai kesedaran akan kehadiran Tuhan dalam setiap aspek kehidupan, dengan memperbaiki akhlak dan memperhalus perasaan. Hamka juga mengulas ungkapan "man 'arafa nafsahu faqad 'arafa rabbahu" (sesiapa yang mengenal dirinya, maka ia akan mengenal Tuhannya), yang menekankan pentingnya pengenalan diri sebagai langkah menuju makrifatullah. Beliau menegaskan bahawa pengenalan diri bukan bermaksud menyamakan diri dengan Tuhan, tetapi menyedari kelemahan dan kefanaan diri, yang akhirnya membawa kepada kesedaran akan kebesaran Tuhan. Namun, perlu diperhatikan bahawa ungkapan tersebut lebih dianggap sebagai kata-kata hikmah dalam tradisi tasawuf daripada hadis yang sahih. (Hamka:1984)

Tasawuf mengajarkan bahawa mengenal diri membawa kepada kesedara. Maka tentang hal ini Imam al-Ghazali (2010) ada menyembut, bahawa kunci utama untuk mengenal Allah ialah dengan mengenali diri sendiri, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: *Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kebesaran) Kami di cakrawala dan dalam diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa sesungguhnya ia adalah kebenaran."* (Surah Fussilat, 41:53)

Dalam perspektif tasawuf, pencapaian ma'rifatullah tidak dapat dipisahkan dari proses pengenalan terhadap diri sendiri. Hal ini ditekankan oleh Muhammad Amin. (1952). dalam *Tanwirul Qulub*, yang menyatakan: "Ketahuilah bahwa pengenalan diri adalah suatu hal yang sangat penting bagi setiap individu. Barang siapa mengenal dirinya, niscaya ia akan mengenal Tuhannya, yakni Tuhan yang memiliki sifat mulia, kuasa, dan kekal abadi. Namun, barang siapa tidak mengenal dirinya, maka ia akan tetap jahil terhadap Tuhannya."

Muhammad Iqbal, (1920) seorang pemikir dan penyair terkemuka, menekankan konsep Khudi (kesedaran diri) sebagai langkah penting dalam mengenal Tuhan. Beliau menguraikan idea ini dalam karya beliau *Asrar al-Khudi* (Rahsia Diri). Dalam karya ini, Iqbal menekankan bahawa pengembangan diri dan kesedaran akan potensi individu adalah kunci untuk mencapai makrifatullah (pengenalan kepada Tuhan).

Mengenai ungkapan *"Barangsiapa mengenal dirinya, maka dia akan mengenal* Tuhannya", perlu diperhatikan bahawa para ulama hadis telah hadis meneliti statusnya. Menurut Imam al-Suyuthi, dan ibn Hajar al-Haythami bahawa statusnya *"Laa Ashla lahu"* – Tidak ada asalnya (sumbernya). Hadits tersebut hanyalah ucapan sebagian orang Shufi. Di dalam kitab al-*Durar al-Muntatsirah Fi al-hadis* al-Musytahirah dinukil dari al-Nawawi, beliau berkata: " Hadits tersebut tidak tsabit (tidak memenuhi syarat-syarat sebagai hadits yang bisa diterima sebagai hujah. Dan bahawa Ibn al -Sam'ani berkata,"Hadits tersebut merupakan perkataan dari Yahya bin Mu'adz." Sekian. (al-Suyuti, nd), Sedangkan, di dalam al-Fatawa al-Haditsiyyah disebutkan: Laa ashla lahu (Tidak ada asalnya (sumbernya). (al-Haythami,2020)

Kelima: Mencari Tuhan Malalui Tuntunan Fitrah

Manusia diciptakan oleh Allah dalam keadaan fitrah, iaitu dalam kesucian dan kecenderungan untuk beribadah kepada-Nya. Namun, hawa nafsu dan syahwat sering menguasai manusia, sehingga fitrah sucinya menjadi tercemar. Akibatnya, perintah untuk tetap berada di jalan Allah menjadi kabur dan tertutup.

Tentang penciptaan manusia dalam keadaan fitrah ini, Allah Ta'ala berfirman:*"Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan, agama Allah yang difitrahkan bagi manusia menerimanya. Tidak patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."* (al-Rum, 30:30) Begitu juga dalam hadis sabda Nabi SAW yang bererti*"Setiap bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam). Maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi."* (Muslim,no: 2658)

Berdasarkan daripada dalil di atas, Menurut Hamka bahawa pengakuan akan adanya Tuhan adalah sifat fitrah yang tumbuh sejajar dengan akal manusia. Kepercayaan kepada Tuhan adalah sifat asli manusia yang tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan akalnya. Menolak kewujudan Tuhan bermaksud melawan fitrah itu sendiri. Golongan seperti Komunis, yang menolak kepercayaan kepada Tuhan, melakukannya dengan paksaan dan pengaruh luar, seperti "pembersihan otak," yang melawan sifat fitrah manusia (Hamka, 1982).

Berdasarkan fitrahnya, manusia tidak seharusnya menyembah atau mempertuhankan sesama makhluk. Ini kerana, seperti yang ditegaskan oleh Hamka, tidak ada faedah atau manfaat yang diperoleh apabila manusia menyembah dan mengagungkan selain daripada Allah. Makhluk lain hanya memiliki kedudukan yang sama dengan manusia - pada awalnya tidak wujud, kemudian wujud, dan akhirnya akan lenyap. Oleh itu, hendaklah terus

menghadap kepada Tuhan Allah Yang Maha Esa dan Maha Kuasa, yang tidak mempunyai sekutu dan tidak akan lenyap.

Maka, sucikanlah dan bersihkanlah pendirian hidup daripada sebarang pengaruh selain daripada Allah. Hanya Allah semata-mata yang menjadi pusat tujuan hidup, bebas daripada segala bentuk pengaruh lain. Inilah yang dinamakan Tauhid... Segala yang ada di alam ini tunduk kepada hukum dan undang-undang yang satu. (Hamka,1984)

Hamka menekankan pentingnya membersihkan kehidupan daripada pengaruh yang lain selain Allah. Tauhid menjadi prinsip utama yang menjadikan Allah sebagai pusat tujuan hidup. Segala yang wujud di alam ini tunduk kepada hukum dan undang-undang Tuhan yang satu. Oleh itu, keimanan kepada Allah memberikan kebebasan manusia daripada segala pengaruh selain-Nya (Hamka, 1984).

Menurut Ibn Taymiyyah (2004) Fitrah secara semula jadi mengenali Pencipta tanpa memerlukan tanda-tanda ini, kerana ia telah diciptakan dengan sifat tersebut. Jika ia tidak mengenali-Nya tanpa tanda-tanda ini, maka ia tidak akan mengetahui bahawa tanda-tanda ini milik-Nya.

Sesungguhnya, hakikat bahawa sesuatu itu merupakan tanda dan bukti kepada-Nya adalah seperti nama yang menunjukkan pemiliknya. Maka, seseorang mesti terlebih dahulu mempunyai gambaran tentang pemilik nama tersebut dan mengetahui bahawa nama itu merujuk kepadanya.

Begitu juga, sesuatu yang menjadi dalil bagi sesuatu yang lain menuntut adanya gambaran tentang perkara yang ditunjukkan serta pemahaman bahawa dalil tersebut berkaitan dengannya. Oleh itu, seseorang mesti mengetahui bahawa dalil itu membawa kepada perkara yang ditunjukkan. Jika perkara yang ditunjukkan tidak dapat digambarkan, maka seseorang tidak akan mengetahui bahawa sesuatu itu adalah dalil kepadanya.

Kajian ini memperkenalkan sumbangan baharu dalam bidang teologi Islam Nusantara dengan memperincikan metodologi akidah Hamka yang berasaskan integrasi antara wahyu dan akal melalui konsep talaqqi dan istidlal. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman terhadap epistemologi akidah Islam klasik, tetapi juga menampilkan tafsiran yang sesuai dengan keperluan intelektual dan cabaran pemikiran moden.

Dari segi epistemologi, Hamka menggabungkan talaqqi sebagai sumber ilmu wahyu dan istidlal sebagai mekanisme rasional yang sah dalam Islam, menjadikan keduanya saling melengkapi dalam memperkukuh iman dan kebenaran. Dari segi metodologi, beliau

mempraktikkan kedua-dua konsep ini secara sistematik dalam *Cara Mengenal Tuhan*, menjadikan akidah sebagai proses pembentukan intelektual dan rohani yang saling menyokong.

Pendekatan ini turut menunjukkan relevansi pemikiran Hamka dalam menangani krisis spiritual moden seperti sekularisme dan relativisme nilai, dengan menegaskan keseimbangan antara keimanan dan rasionaliti sebagai asas kestabilan akidah. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa model akidah Hamka bersifat rasional-spiritual, berasaskan kesatuan antara wahyu dan akal, serta menawarkan asas bagi pembangunan teologi Islam Nusantara yang inklusif dan kontekstual selaras dengan cabaran zaman moden.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Hamka telah memperkenalkan suatu pendekatan metodologi akidah yang bersifat integratif, rasional, dan spiritual melalui penerapan konsep *talaqqi* dan *istidlal*. Hamka menolak pendekatan teologi yang bersifat tekstual semata-mata atau rasional tanpa batas; sebaliknya beliau menggabungkan kedua-duanya sebagai dua dimensi ilmu yang saling melengkapi. *Talaqqi* berfungsi sebagai asas epistemologi wahyu yang menjamin ketulenan keimanan berasaskan *al-Qur'an dan al-Sunnah*, manakala *istidlal* bertindak sebagai instrumen rasional yang membawa manusia merenungi keagungan Tuhan melalui tanda-tanda alam, sejarah, dan pengalaman diri (Hamka, 1950; Syamsuddin, 1993). Gabungan dua pendekatan ini menunjukkan bahawa Hamka memahami akidah bukan sekadar sebagai sistem kepercayaan dogmatik, tetapi sebagai proses epistemic satu perjalanan intelektual dan rohani yang menyatukan ilmu, iman, dan pengalaman.

Selain itu, Hamka memperluas ruang teologi Islam dengan memperkenalkan lima jalan pengenalan terhadap Tuhan: keindahan dan seni, ilmu dan falsafah, pencarian makna hidup, tasawuf, dan fitrah manusia. Setiap dimensi ini mewakili bentuk pengalaman manusia yang berbeza dalam mengenal Tuhan - estetika, intelektual, eksistensial, spiritual, dan naluriah -namun kesemuanya berpunca daripada kesedaran tauhid. Dalam konteks ini, pemikiran Hamka memperlihatkan kesinambungan dengan tradisi ulama klasik seperti al-Ghazali (n.d.) yang menegaskan keutamaan *ma'rifah* (pengenalan terhadap Tuhan) melalui pembersihan hati dan renungan akal. Namun, Hamka menyesuaikan pendekatan tersebut dengan realiti moden yang menuntut keseimbangan antara iman dan rasionaliti (Nasr, 1987).

Ini menjadikan pemikirannya sebagai jambatan antara warisan intelektual Islam tradisional dan cabaran pemikiran moden.

Dalam hubungan ini, pandangan M. Quraish Shihab (2011) turut memperkukuh gagasan Hamka apabila beliau menegaskan bahawa *wahyu* dan *akal* bukan dua sumber yang bertentangan, tetapi saling memerlukan dalam memahami kebenaran ilahi. Menurut Shihab dalam *Membumikan al-Qur'an*, wahyu berperanan sebagai petunjuk yang membimbing akal agar tidak tersasar daripada kebenaran mutlak, manakala akal berfungsi menafsir, meneliti, dan menghidupkan makna wahyu dalam kehidupan nyata. Wahyu tanpa akal akan menjadi dogma yang beku, manakala akal tanpa wahyu akan terperangkap dalam relativisme. Pandangan ini sejalan dengan Hamka yang menegaskan bahawa pengenalan kepada Tuhan mesti melalui keseimbangan antara penerimaan wahyu (*talaqqi*) dan renungan rasional (*istidlal*) dua sayap yang membawa manusia kepada kesedaran Ilahi (Shihab, 2011).

Perbincangan ini juga memperlihatkan bahawa metodologi *talaqqi–istidlal*. Hamka mampu membentuk kerangka epistemologi teologi Nusantara yang tersendiri. Pendekatan beliau berakar pada teks wahyu tetapi bercirikan konteks sosio-intelektual Melayu-Islam abad ke-20, ketika masyarakat menghadapi gelombang sekularisme dan kolonialisme pemikiran (Nasution, 1986; Azra, 1999). Oleh itu, Hamka menjadikan pengalaman manusia, kebebasan akal, dan fitrah sebagai elemen penting untuk meneguhkan akidah tanpa terjerumus ke dalam rasionalisme ekstrem. Pendekatan ini menampilkan keseimbangan antara *naqli* dan *'aqli*, antara dogma dan dialog, serta antara tradisi dan kemodenan suatu bentuk teologi sintesis yang meneguhkan tauhid dalam kerangka pemikiran terbuka.

Secara keseluruhannya, perbincangan kajian ini memperlihatkan bahawa metode *talaqqi* dan *istidlal* menurut Hamka tidak hanya menawarkan kerangka pemahaman terhadap konsep ketuhanan, tetapi juga memperbaharui wacana akidah Islam dengan menempatkan wahyu dan akal sebagai dua sayap yang membawa manusia kepada kesedaran Ilahi. Pemikiran Hamka menegaskan bahawa mengenal Tuhan bukan sekadar hasil hafalan doktrin, tetapi merupakan tindakan berfikir, berzikir, dan menyedari diri sebagai hamba. Maka, pendekatan beliau berpotensi menjadi asas bagi pengembangan teologi Islam kontemporari yang lebih reflektif, humanistik, dan relevan dengan cabaran zaman moden (Shihab, 2011).

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran Hamka dalam *Cara Mengenal Tuhan* membentuk metodologi akidah yang integratif dan kontekstual, berasaskan keseimbangan

antara wahyu, akal, dan fitrah. Hamka menggabungkan talaqqi sebagai asas penerimaan wahyu dan istidlal sebagai alat rasional untuk memahami makna ketuhanan, menjadikan epistemologi akidahnya bersifat holistik dan seimbang antara teks dan akal. Beliau memperkenalkan lima jalan pengenalan Tuhan melalui keindahan, ilmu, makna hidup, tasawuf, dan fitrah, yang memperluas horizon teologi Islam di alam Melayu. Pendekatan ini menolak dikotomi antara iman tradisional dan pemikiran moden, sebaliknya membina model akidah yang dialogis, terbuka, dan sesuai dengan konteks kontemporari.Secara ringkas, Hamka menawarkan model akidah berasaskan wahyu–rasional–fitri yang relevan bagi pembangunan teologi Islam Nusantara yang inklusif dan selari dengan cabaran zaman moden.

Cadangan

1. Pengaruh Pemikiran Hamka terhadap Pengajaran Akidah di Institusi Pendidikan Islam di Nusantara

2. Analisis Epistemologi dalam Metode Hamka: Integrasi antara Dalil Naqli dan Aqli dalam Pemahaman Akidah

Rujukan

Abdul Hadi bin Awad al-'Omari. (2019). *Ushul ahl al-sunnah fi al-'aqidah.* Maktabah al-Rushd.

Abdullah, W. (2014). *Pemikiran Islam dan cabaran modeniti.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdurrahman al-Baghdadi. (1991). *Seni dalam pandangan Islam.* Gema Insani.

al-Aql, N. A. K. (1412 H.). *Mujmal ushul ahl al-sunnah fi al-'aqidah*. Dar al-Watan.

al-Ghazali, A. H. (n.d.). *Ihya' 'ulum al-din [Kebangkitan ilmu agama].* Dar al-Ma'rifah.

al-Ghazali, A. H. (2010). Ihya' 'ulum al-din [Kebangkitan ilmu agama]. Dar al-Ma'rifah.

al-Qaradawi, Y. (1996). Al-iman wa al-hayah [Faith and life]. Maktabah Wahbah.

al-Sa'di, A. (2000). *Tafsir taysir al-karim al-rahman fi tafsir kalam al*-mannan (Cet. 1). Mu'assasah al-Risalah.

al-Shahrastani, A. M. (1984). *Al-milal wa al-nihal*. Dar al-Ma'arif.

al-Suyuti, J. (n.d.). *Al-durar al-muntathirah fi al-ahadis al-mushtahirah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Syinqiti, M. A. (1995). *Adhwa' al-bayan fi idhah al-Qur'an bil-Qur'an*. Dar al-Fikr.

Azra, A. (1999). *Renaisans Islam Asia Tenggara: Sejarah, pemikiran dan institusi*. Rosda.

Hamka. (1950). *Cara mengenal Tuhan*. Bulan Bintang.

Hamka. (1974). *Kenang-kenangan hidup* (Jil. 2). Bulan Bintang.

Hamka. (1982a). *Tafsir al-Azhar* (Vols. 1–10). Pustaka Nasional.

Hamka. (1982b). *Tafsir al-Azhar* (Juz XXI). Pustaka Panjimas.

Hamka. (1984). Cara mengenal Tuhan. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Hamka. (1992). *Falsafah hidup*. Pustaka Panjimas.

Ibn Hajar al-Haitami. (2020). *Al-fatawa al-hadisiyyah.* Markaz Jaylani.

Ibn Manzur. (1414 H.). *Lisan al-'Arab* (Jil. 13). Dar Sadir.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1973). *Al-fawa'id (Cet. 2)*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Taimiyyah. (1426 H.). *Bayan talbis al-Jahmiyyah fi ta'sis bida'ihim al-kalamiyyah (Cet. 1)*. Majma'Malik Fahd li Tiba'at al-Qur'an al-Karim.

Ibn Taymiyyah. (2004). *Majmu'al-fatawa. Mujamma'Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.*

Iqbal, M. (1920). *The secret of the self (Asrar-i Khudi): A philosophical poem (R. A. Nicholson, Trans.).* Macmillan and Co.

M. Alfan Alfian. (2014). *Hamka dan bahagia: Reaktualisasi tasawuf untuk zaman kita.* Penjuru Ilmu.

Muhammad Amin al-Kurdi. (1952). *Tanwir al-qulub fi mu'amalat 'allam al-ghuyub.* Matba'ah al-Sa'adah.

Muslim. (1955). *Sahih Muslim.* Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.

Nasr, S. H. (1987). *Islamic life and thought.* George Allen & Unwin.

Nasution, H. (1986). *Islam ditinjau dari berbagai aspeknya* (Jil.1–2). Universitas Indonesia Press.

Nukhbah min al-Lughawiyyin. (1972). *Al-mu'jam al-wasit.* Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah.

Saeed, A. (2008). *Interpreting the Qur'an: Towards a contemporary approach.* Routledge.

Sekumpulan ahli akademik Jabatan Bahasa Al-Quran, Pusat Bahasa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. (2018). *Al-Quran al-Karim ke dalam bahasa Melayu.* King Fahd Glorious Quran Printing Complex.

Shihab, M. Q. (2011). *Membumikan al-Qur'an: Fungsi dan peran wahyu dalam kehidupan masyarakat.* Mizan.

Syamsuddin, A. (1993). *Hamka dan pemikiran teologi rasionalnya.* Pustaka Pelajar.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islam and secularism.* Pustaka Negara Malaysia.

Wan Daud, W. M. N. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization.* ISTAC

Conflict of Interest:

The authors declare no conflict of interest.